

Sasar 50 cawangan Gloria Jean's Coffees

» *Wonderful Lifestyle proaktif kembangkan kafe kopi*

Wonderful Lifestyle Sdn Bhd, rakan kongsi francais induk Gloria Jean's Coffees di Malaysia dan Brunei menyasar untuk mempunyai 50 cawangan francais berkenaan menjelang 2015.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Fauzi Awang, berkata dalam tempoh itu juga, syarikat berkenaan menetap matlamat untuk melahirkan 30 usahawan muda Bumiputera yang berjaya dalam perniagaan itu.

"Setakat lima tahun beroperasi di negara ini, Gloria Jean's Coffees sudah mempunyai 17 cawangan dengan kebanyakannya dibuka di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Pembukaan cawangan di Johor Bahru ini adalah antara yang ke-18 dan antara langkah kita untuk

lebih proaktif dalam mengem-
bangkan lagi kafe kopi," katanya
di Johor Bahru semalam.

Cabang pelaburan

Wonderful Lifestyle adalah anak syarikat milik penuh Malaysia International Franchise (MyFranchise) Sdn Bhd iaitu cabang pelaburan francais Perbadanan Nasional Bhd, agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Fauzi sebelum itu menghadiri majlis pembukaan cawangan baru di Sutera Mall dimiliki oleh adik

beradik Nurul Fatiha Mokhtar, 25 dan Zainal Abidin Mokhtar, 20.

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelanggan dan mempelbagaikan pilihan makanan, katanya syarikat itu merancang untuk menyajikan makanan tradisional yang sesuai untuk dinikmati bersama kopi seperti nasi lemak, ubi kayu dan lempeng.

"Kini, kita sedang bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menjalankan kajian

dan menyediakan makanan yang sesuai untuk disajikan di sini," katanya.

FAKTA NOMBOR

17
cawangan

Gloria Jean's
Coffees setakat ini



Fauzi (kanan) bersama **Nurul Fatiha** sempena majlis perasmian kafe Gloria Jean's Coffees, semalam.

BERNAMA